

Rundingan ditangguh

BH 26 NOV 2000

SINGAPURA: Semua pakej penyelesaian yang pernah menggugat hubungan baik Malaysia-Singapura akan ditangguh sehingga Malaysia mendapat maklum balas Kerajaan Negeri Johor, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun pada awalnya beliau berhasrat membincangkan pakej pada pertemuan ini, ia tidak dapat dilakukan kerana rundingan dengan Johor belum diadakan.

“Saya memerlukan sedikit masa untuk berunding dengan beberapa pihak. Saya bercakap mengenai Johor kerana ia sebenarnya ada beberapa hak terutama membabitkan bekalan air yang berada di wilayahnya.

“Saya tidak boleh memutuskan sebarang perkara kerana kita dalam proses perbincangan dengan Johor. Jadi saya tidak fikir perlu berbincang dengan Goh masa ini,” katanya di sidang akhbar selepas pertemuan dua hala dengan Perdana Men-

teri Jepun, Yoshiro Mori, di sini semalam.

Pakej penyelesaian dipersetujui ketika Sidang Kemuncak Asean di Hanoi, pada 1998, bagaimanapun tidak dapat dileraikan oleh mesyuarat peringkat pegawai dan menteri yang akhirnya menyerahkan kepada budi bicara pemimpin tertinggi kedua-dua negara.

Pakej itu antara lain membabitkan isu Pusat Pemeriksaan Kastam dan Imigresen di Tanjung Pagar dan Tabung Simpanan Pekerja (CPF) membabitkan pekerja Malaysia di Singapura, untuk ditukar dengan penyelesaian masalah perjanjian bekalan air ke republik itu yang akan tamat pada 2061 dan penggunaan ruang udara bagi pesawat tentera udara negara itu.

Ditanya bila mesyuarat akan diadakan untuk menyelesaikan pakej itu, Dr Mahathir berkata, ia bergantung kepada Johor kerana perkara utama, bekalan air di bawah hal ehwal negeri itu.